


**SEKATA APARTMENT@
THE CAMELIA ORCHID DELUXE PARK,
RINGLET, CAMERON HIGHLANDS**



LAPORAN TAHUNAN **2017**

SEKATARAKYAT

Koperasi Kakitangan
Bank Rakyat Berhad



Mengenai **YAYASAN BANK RAKYAT**

Sejak ditubuhkan pada 16 Mei 2007, Yayasan Bank Rakyat (YBR) komited membantu Rakyat Malaysia yang kurang berkemampuan, ahli-ahli Bank Rakyat dan anak-anak mereka dalam bidang pendidikan dan pembangunan modal insan. Komitmen ini terbukti ini terbukti oleh skala program penajaan YBR - sehingga 1 Januari 2018, YBR telah menaja lebih 4,000 pelajar dengan jumlah keseluruhan tajaan sebanyak lebih daripada RM 137 juta bagi meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi.

YBR berdedikasi meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar melalui strategi yang inovatif, boleh diubah suai dan berasaskan bukti bagi menyiapkan mereka supaya dapat berkembang maju dalam pelajaran, kerjaya, dan kehidupan dewasa.

YBR bercita-cita untuk mewujudkan sebuah dunia pembelajaran yang baharu; tempat di mana pelajar dan ibu bapa, guru dan pentadbiran, penggubal dasar mayarakat diperkasarkan untuk mengubah pendidikan ke arah yang lebih baik; tempat di mana sekolah menyediakan pembelajaran berteraskan program yang lebih rapi, pembelajaran sosial-emosi serta akses kepada teknologi baru; tempat dimana inovasi ialah satu peraturan bukannya pengecualian; tempat di mana pelajaran menjadi peruntur ilmu sepanjang hayat di samping membangunkan kemahiran abad ke-21.



- Tingkat 8, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat
No. 33 Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur.
- 03-2612 9600
- yayasan@bankrakyat.com.my
- www.yayasanbankrakyat.com.my



LAPORAN TAHUNAN **2017**

IBU PEJABAT

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

Bil Pendaftaran: 4958

Tarikh Pendaftaran: 23 September 1974

Tingkat 2A, Menara 2,
Menara Kembar Bank Rakyat,
No. 33, Jalan Rakyat,
50470 Kuala Lumpur.
No. Telefon : 03-2273314 / 3315 / 3609
No. Faksimili : 03-22741314

PREMIS PERNIAGAAN LAIN

KAFETERIA & KEDAI SERBANEKA SEKATARAKYAT

Tingkat Bawah,
Bangunan Bank Rakyat,
Jalan Tangsi,
50460 Kuala Lumpur.

MEDAN SELERA & KEDAI SERBANEKA SEKATARAKYAT

Tingkat 5, Menara 1,
Menara Kembar Bank Rakyat,
No. 33, Jalan Rakyat,
50470 Kuala Lumpur.

AR-RAHNU X'CHANGE PETALING JAYA

No. 23, Jalan Othman,
46000 Petaling Jaya,
Selangor.
Tel.: 03-77814878 Faks.: 03-77815878

AR-RAHNU X'CHANGE SG BESI

28-G, Jalan Tasik Utama 5,
Medan Niaga Tasik Damai,
Sungai Besi,
57000 Kuala Lumpur.
Tel.: 03-90548760 Faks.: 03-90548745

AR-RAHNU X'CHANGE TAMAN SELASEH

No. 15, Jalan PPS 1,
Pusat Perdagangan Selaseh,
68100 Batu Caves, Selangor.
Tel.: 03-61785586 Faks.: 03-61785686

AR-RAHNU X'CHANGE HULU LANGAT

No. 40, Jalan Seri Mas,
Taman Seri Mas,
43100 Hulu Langat, Selangor.
Tel.: 03-90215986 Faks.: 03-90214986

AR-RAHNU X'CHANGE BANDAR KINRARA

ZP-G-17, Zest Point,
Lebuh Raya Bukit Jalil, BK9 Bandar Kinrara,
47180 Puchong, Selangor.
Tel.: 03-80801586 Faks.: 03-80806586

AR-RAHNU X'CHANGE SEREMBAN 2

No. 27G, S2 B17,
Biz Avenue, Seremban 2,
70300 Seremban, Negeri Sembilan.
Tel.: 06-6015986 Faks.: 06-6011286

AR-RAHNU X'CHANGE KOTA KEMUNING

No. 32, Jalan Anggerik R 31/R,
Kota Kemuning,
40460 Shah Alam, Selangor.
Tel.: 03-5525 0586 Faks.: 03-5525 5386

TASKA NURI

Tingkat 2A, Menara 2,
Menara Kembar Bank Rakyat,
No. 33, Jalan Rakyat,
50470 Kuala Lumpur.
Tel. & Faks. : 03-2276 0951

SEKATA APARTMENT

The Camelia Orchid Deluxe Park,
Jalan ODP 2, Orchid Deluxe Park,
Ringlet,
39200 Cameron Highlands, Pahang.
Tel. & Faks : 05- 495 6119

Sekapur Sirih

YBHG DATO' DR. NOOR ZARI HAMAT
PENGERUSI EKSEKUTIF
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam 1Malaysia Dan Salam Koperasi.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (SEKATARAKYAT) telah mencapai usia yang ke-44 tahun. Saya yakin dan percaya bahawa kemajuan dan kejayaan koperasi adalah hasil kerjasama erat antara barisan Lembaga Pengarah, Pengurusan serta anggota koperasi. Koperasi juga telah menggunakan peluang yang ada untuk memperbaiki segala kelemahan di samping berusaha membawa kejayaan yang diharapkan.

Walaupun berhadapan pertumbuhan ekonomi yang sederhana, saya yakin bahawa potensi landskap sektor koperasi tidak harus diabaikan, sebaliknya terus relevan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Dalam pembangunan ekonomi moden, koperasi mempunyai ekosistem tersendiri dan unik yang telah memberikan sumbangan yang signifikan terutamanya dalam usaha membantu kerajaan menangani kos sara hidup rakyat yang meningkat. Hal ini berkait rapat dengan matlamat sesebuah koperasi, iaitu menggembangkan sumber dan modal untuk menjalankan kegiatan yang dapat meningkatkan taraf sosioekonomi anggotanya.

Akhir kata, saya berharap supaya SEKATARAKYAT akan terus memberikan impak yang berkesan kepada semua anggota koperasi dalam usaha menghayati dan menilai semula peranannya serta dijadikan sebagai asas kekuatan koperasi. Sekali lagi, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada SEKATARAKYAT dan diharapkan semoga koperasi ini akan terus berjaya dan disegani pada masa akan datang.

Selamat Maju Jaya.

Sekian, terima kasih.



DATO' DR. NOOR ZARI HAMAT
PENGERUSI EKSEKUTIF
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Setinta Kata

YBHG TAN SRI SHUKRY MOHD SALLEH

PENGERUSI
BANK RAKYAT

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.salam

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih atas kesudian Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (SEKATARAKYAT) memberikan saya ruang untuk mencoretkan sepatah dua kata dalam Laporan Tahunan 2017 ini.

Saban tahun saya mendapati SEKATARAKYAT telah berjaya menunjukkan prestasi yang cemerlang. Hal ini terbukti apabila Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menyenaraikan SEKATARAKYAT pada kedudukan ke-15 dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia. Selain itu, SEKATARAKYAT telah tersenarai pada kedudukan ke-10 Koperasi Terbaik di SKM Wilayah Persekutuan. Kedudukan ini mengambarkan kekuahan pentadbiran yang ditunjukkan oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan SEKATARAKYAT yang saling bekerjasama dan berganding bahu dengan memberikan komitmen yang tinggi dalam menerajui koperasi ini. Namun begitu, sokongan serta kerjasama yang jitu oleh semua anggota perlu dihargai bagi memastikan kejayaan ini akan terus mereka nikmati.

Menerusi perancangan yang strategik dan dinamik, saya yakin bahawa SEKATARAKYAT akan dapat menceburi pelaburan yang berdaya saing dan menguntungkan dengan sokongan pentadbiran yang efektif dan efisien. Elemen ini penting agar kepercayaan anggota terhadap SEKATARAKYAT terus meningkat.

Dalam suasana yang lebih kompetitif dan mencabar ketika ini, pulangan yang tinggi bukannya penanda aras kejayaan SEKATARAKYAT, sebaliknya kekuahan kewangan koperasi dititikberatkan agar SEKATARAKYAT terus mengembangkan sayap perniagaannya dengan lebih berjaya pada masa hadapan.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan SEKATARAKYAT atas komitmen tinggi yang ditunjukkan dalam menggalas tanggungjawab dan amanah anggota serta terus kekal cemerlang, insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.



TAN SRI SHUKRY MOHD SALLEH

PENGERUSI
BANK RAKYAT

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Shukry Mohd Salleh". It is written in a fluid, cursive style with a prominent flourish at the end.

Perutusan

**YBHG DATUK MOHAMED ARSAD SEHAN
PENGERUSI
KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**

Bismillahirrahmanirrahim

Segala Puji dan Salam ke Atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Terlebih dahulu, saya mengalu-alukan kedatangan semua perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (SEKATARAKYAT) Ke-22. Kedatangan semua perwakilan dari seluruh negara menunjukkan sikap bertanggungjawab perwakilan atas amanah anggota kawasan masing-masing.


Marilah bersama-sama kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT atas kejayaan yang telah dikehendaki oleh SEKATARAKYAT sepanjang tahun 2017 dan sebelumnya. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Anggota Lembaga Pengarah, Anggota Jawatankuasa Audit Dalam, perwakilan dan tidak lupa juga kepada Pengurusan SEKATARAKYAT atas sumbangan cemerlang yang diberikan.

Bagi memelihara kepentingan dan kebajikan semua anggota, koperasi akan terus berusaha mempertingkatkan kemudahan dan perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang pada masa hadapan. Justeru, saya bertekad dan menyeru rakan Anggota Lembaga Pengarah dan Pengurusan sekalian supaya terus menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan amanah dan jujur dengan meletakkan kepentingan anggota melebihi kepentingan peribadi.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat bermesyuarat kepada semua perwakilan. Saya berdoa semoga mesyuarat ini berjalan dengan penuh tertib dan teratur serta mendapat taufik dan hidayah Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.



DATUK MOHAMED ARSAD SEHAN

PENGERUSI

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

ORGANISASI **SEKATARAKYAT**



LEMBAGA PENGARAH



Hasrul Liza Shah Rudin
Setiausaha Kehormat



Datuk Mohamed Arsal Sehan
Pengerusi



Mohd Salleh Mahmood
Bendahari Kehormat



**Dato' Shaharudin
Mohd Sa'ad**



**Abdul Lidzam
Muhamad Alias**



Baharin Abu Samah



Azlan Alias



Suhaimi Che Omar

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN



ABDUL RAZAK KAMSANI
Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalaman



MOHD HANAFIAH MOHD NAWAWI
Jawatankuasa Audit Dalaman



ISMARAZI ISMAIL
Jawatankuasa Audit Dalaman

PENGURUSAN & WARGAKERJA IBU PEJABAT



Duduk dari kiri:
Ahmad Rozaman Mohd Yusoff (Pengurus Besar), Johanah Suli (Pengurus)

Tengah dari kiri:
Nurul Liana Afikah Abdul Rahim, Siti Nur Syazleen Shamshul Nizam, Nur Zulaika Hasnan, Nur Naimah Kamaruddin, Farah Izzati Md Nasir, Mohammad Faizul Md Yunus, Mohd Hafiz Bukhari, Nor Elina Ab Ghani, Farah Athirah Shamdin Saidatul Ain Ab Talib, Nur Nabila Aima Mohd Rodzi, Nurul Azalina Zukifli, Nurul Adleen Abdul Halim, Nurul Azreen Zaini

Belakang dari kiri:
Muhamad Sufri Anuar, Muhamad Hazwan Johari, Muhammad Firdaus Md Nasir, Shahifudin Saufi, Muhamad Hanan Hamzah Shukor, Marshiela Mahzair, Muhammad Al-Hafiz Mohamad Nor, Ahmad Fu'ad Kamarulzaman, Mohd Tarmizi Md Nasir

PENGURUSAN & WARGAKERJA

AR RAHNU X'CHANGE JALAN OTHMAN



Dari Kiri:

Mohd Asri Mahazir, Rasidah Hussin, Wan Hazrina Wan Ramli, Noor Haslinda Jusoh

AR RAHNU X'CHANGE SUNGAI BESI



Dari Kira:

Muhamad Nukman Mahmood, Nor Azlan Ismail, Suriani Zainal, Nur Syafiqah Mohd Zainuddin

PENGURUSAN & WARGAKERJA

AR RAHNU X'CHANGE TAMAN SELASEH



Dari Kiri:

Shafizah Khiruddin, Noor Amirah Binti Kamal, Muhammad Amir 'Izzat Rosli, Muhammad Shahrizal Abd Wahid

AR RAHNU X'CHANGE HULU LANGAT



Dari Kiri:

Muhammad Fakrur Razi, Muhammad Hazreen Bin Akhiruddin, Nuruljannah Misti

Tiada Dalam Gambar:

Siti Zubaidah Binti Isa

PENGURUSAN & WARGAKERJA

AR RAHNU X'CHANGE BANDAR KINRARA



Dari Kiri:

Muhammad Firdaus Kalikuzzaman, Nurul Syakila Yahya, Aisamuddin Mohd Isa, Muhammad Alif Bin Abdul Rahim

AR RAHNU X'CHANGE SEREMBAN 2



Dari Kiri:

Muhammad Amin Bin Ibrahim, Ahmad Aizuddin Bin Jiss Wira, Muhammad Thaqif Nazly, Siti Azizah Binti Bunasan

PENGURUSAN & WARGAKERJA

AR RAHNU X'CHANGE KOTA KEMUNING



Dari Kiri:

Naaimah Binti Abu Bakar, Nurulhazmira Binti Azmi, Maslina Binti Abdul Rahim

Tiada dalam gambar: Khairunnisa Binti Zulkifle

SEKATA APARTMENT



Duduk:

Noor Amirah Binti Ja'afar

Berdiri Dari Kiri:

Ahmad Sharieffuddin Bin Ahmad, Saraswathy A/P Perumal, Norsalihati Binti Mohd Sabri, Vijayakumari A/P Kandasamy, Muhamad Azrie Bin Masiran

PENGURUSAN & WARGAKERJA

TASKA NURI



Hadapan dari kiri:

Norfatihah Binti Kamarul Ariffin, Nur Shafiqah Binti Ahmad Yusoff, Nur Zakia Binti Mohamad Zaidi, Nor Afiera Binti Abd Aziz, Khulyiana Binti Mohd Assa'ari, Siti Aishah Hashim Binti Hashim Shah

Tengah:

Khairul Izam Abdul Rani (Pegawai), Pn. Nor Anizah Bt Mohd Anuar (Pengendali Taska)

Belakang dari kiri:

Sariah Binti Bakar, Siti Rosliza Mukhtar, Aina Nasuha Mohamad Halim, Nur Safirah Arijah Binti Ismail, Nurshuhada Husna Mohd Rafi, Nur Azira Binti Yusoff, Muhammad Fahmi Abdul Rahman, Norhasimah Binti Zakaria, Nurul Safiah Adibah Suhaimi Norafifah Azizan, Nilly Wahida Binti Hussain, Taj Uzma Binti Abdul Aziz

PENGURUSAN & WARGAKERJA

KAFETERIA JALAN TANGSI



Berdiri dari kiri:

Norliza Binti Shaharuddin, Maya Munijo, Othman Bin Desa
Nor Ainn Binti Zainal Abidin, Suhartik Binti Afandi, Linasari Binti Bandaro

Belakang dari kiri:

Zulkarnan Lubis, Muhammad Faris Bin Ahmad

KEDAI SERBANEKA JALAN TANGSI



Faridah Binti Mansor

MEDAN SELERA MENARA KEMBAR BANK RAKYAT



Depan dari kiri:

Maryana Binti Mastuki, Nur Nadhirah Binti Zulkifli, Ernawati Binti Abdullah

Tengah dari kiri:

Marsiah Mastuki, Maryana Binti Mastuki, Ruggayah Hannan, Juliana, Imas Binti Ojang

Belakang dari kiri:

Muhammad Naim Bin Sakrani, Mohd Tarmizi Md Nasir

PERISTIWA TAHUN 2017

SEPANJANG tahun 2017, Sekatarakyat tidak pernah lekang daripada menganjurkan pelbagai aktiviti serta majlis. Antara aktiviti dan majlis yang telah dianjurkan ialah sambutan perayaan, perasmian Sekata Apartment @ The Camelia Orchid Deluxe Park dan sebagainya. Pelbagai objektif dapat dicapai dengan mengadakan aktiviti sebegini, seperti mengeratkan silaturahim, mendapatkan peluang perniagaan baharu dan pelbagai lagi.

Pada 16 Ogos 2017, buat pertama kalinya Sekatarakyat telah menceburい bidang penyewaan apartmen percutian. Apartmen tersebut dinamakan Sekata Apartment @ The Camelia Orchid Deluxe Park yang terletak di Ringlet, Cameron Highlands, Pahang. Penyewaan apartmen ini merupakan salah satu kemudahan percutian yang diberikan oleh Sekatarakyat kepada anggotanya dan juga kepada pelanggan luar.

Seperti saban tahun yang sebelumnya, barisan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) serta barisan pengurusan Sekatarakyat telah mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) kali ke-21 dengan jayanya. Selepas MAP 2017 tersebut dilaksanakan, terdapat banyak lagi aktiviti dan majlis yang berlangsung sepanjang tahun 2017. Antaranya Perjumpaan Anggota Bersara, Sambutan Hari Raya Sekatarakyat, aktiviti Mencari Harta Karun dan Jamuan Makan Malam Tahunan Sekatarakyat.

Kerja keras serta penat lelah terpaksa dilalui oleh semua pihak, terutamanya ALP, pengurusan serta kakitangan bagi menjayakan satu-satu aktiviti atau majlis yang dijalankan. Syukur ke hadrat Allah kerana segala aktiviti atau majlis yang dirancangkan tidak pernah menemukan kegagalan.

Dengan berbekalkan pengalaman serta kemahiran yang tinggi semua pihak, insya-Allah sekali lagi pada tahun 2018, barisan ALP dan pengurusan merancang pelbagai aktiviti yang lebih menarik untuk dijalankan. Sekatarakyat berharap, pelbagai pihak, terutamanya anggota sendiri, dapat memberikan sokongan penuh dan padu bagi menjalankan sebarang aktiviti demi kebaikan dan keuntungan bersama-sama.

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN SEKATARAKYAT KALI KE-21

Dirasmikan oleh Tan Sri Haji Shukry Mohd Salleh, Pengurus Bank Rakyat





PERJUMPAAN ANGGOTA BERSARA SEKATARAKYAT

Dirasmikan oleh Pengerusi Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsal Sehan



JAMUAN HARI RAYA SEKATARAKYAT



PENYERAHAN ZAKAT - PROJEK AQUAPONIK

Dirasmikan oleh Datuk Mohamed Arsal Sehan, Pengerusi Sekatarakyat





PENYERAHAN ZAKAT - FISABILILLAH



MAJLIS PERASMIAN SEKATA APARTMENT

Dirasmikan oleh YB. Dato' Sri Hj Mohd Sharkar Bin Hj Shamsudin, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang





PROGRAM UNTUK WARGAKERJA SEKATARAKYAT

ACARA MENCARI HARTA KARUN SEKATARAKYAT 2017

Dirasmikan oleh Tan Sri Haji Shukry Mohd Salleh, Pengerusi Bank Rakyat



PROGRAM UNTUK WARGAKERJA SEKATARAKYAT

KURSUS BUSINESS COMMUNICATION



HARI KELUARGA SEKATARAKYAT 2017



PROGRAM UNTUK WARGAKERJA SEKATARAKYAT

TEAM BUILDING SEKATARAKYAT



PROGRAM UNTUK WARGAKERJA SEKATARAKYAT

MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN SEKATARAKYAT 2017

Dirasmikan oleh Pengurus Sekatarakyat, Datuk Mohd Arsal Sehan



LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2017

Kepada:

Semua Anggota Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (**SEKATARAKYAT**)

Assalamualaikum w.b.t dan Salam 1 Malaysia.

Pada tahun 2017, Sekatarakyat sentiasa terus berusaha dan berdaya saing dalam mengukuhkan dan mengembangkan cabang aktiviti perniagaan yang diceburi dengan menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan, terutamanya anggota Sekatarakyat, dengan memberikan pulangan keuntungan dalam bentuk dividen dan kemudahan lain yang disediakan sebagai penghargaan kepada anggota Sekatarakyat.

SELAYANG PANDANG

Pada 23 September 1974, Syarikat Kerjasama Kakitangan Bank Rakyat Berhad atau lebih dikenali sebagai Sekatarakyat telah ditubuhkan dan beroperasi. Bangunan Bank Rakyat Jalan Tangsi merupakan tempat terawal Sekatarakyat menjalankan operasi dengan hanya tiga orang kakitangan sahaja pada ketika itu.

Bermula dari tarikh itu sehingga tahun 1990-an, Sekatarakyat memulakan langkah awal dengan menyediakan pembiayaan bagi anggota. Seterusnya, nama Syarikat Kerjasama Kakitangan Bank Rakyat Berhad telah ditukar kepada Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad pada 30 Jun 1997, selaras dengan Akta Koperasi 1993.

Pada awal tahun 1990-an sehingga tahun 2000, Sekatarakyat mengembangkan lagi cabang perniagaan dengan menjadi ejen insurans kepada syarikat takaful dan mengendalikan takaful peminjam Bank Rakyat. Pada masa ini juga pinjaman secara konvensional telah ditukarkan kepada pembiayaan berbentuk syariah. Dalam tempoh ini, warga kerja Sekatarakyat juga telah bertambah kepada 13 orang dan mula menggunakan sistem berkomputer bagi urusan perakaunan dan keanggotaan.

Sekatarakyat juga sedaya upaya meningkatkan pendapatan daripada aktiviti perniagaan sedia ada seperti kontrak pembersihan di cawangan Bank Rakyat, pembelian bangunan untuk disewa, pengurusan operasi harian Kafeteria, Medan Selera dan Kedai Koop di Bangunan UNIRAZAK, Jalan Tangsi dan Menara Kembar Bank Rakyat Jalan Rakyat, membuka perniagaan Ar-Rahnu di bawah francais Ar-Rahnu Xchange di PJ Old Town, Sungai Besi, Taman Selaseh, Hulu Langat, Bandar Kinrara, Seremban 2 dan Kota Kemuning. Penggunaan sistem secara dalam talian telah dimulakan bagi

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2017

membolehkan anggota Sekatarakyat memohon pembiayaan di mana-mana lokasi mereka bertugas tanpa perlu menghantar borang permohonan kepada Sekatarakyat. Bagi mengekalkan momentum yang telah ada, Sekatarakyat sentiasa merancang dan mencari jalan untuk menambahkan pendapatan yang sedia ada ke tahap yang dapat dibanggakan.

Sebagai langkah bagi terus bergerak maju, penambahbaikan berterusan tetap dilaksanakan bagi memantapkan operasi harian. Sekatarakyat juga sedang berusaha untuk menceburi bidang perniagaan baharu bagi mencapai wawasannya untuk terus maju dan kekal relevan, selain menambahkan hasil pendapatan. Antara bidang perniagaan baharu yang telah dilaksanakan adalah penubuhan Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) dan perniagaan sewa apartmen percutian.

PRESTASI KEWANGAN SEKATARAKYAT

Pada tahun 2017, Sekatarakyat menunjukkan peningkatan prestasi yang memberangsangkan berbanding dengan tahun sebelumnya. Dalam upaya menghadapi persaingan yang tinggi serta cabaran semasa, pelbagai fasa pemantapan jentera, kaedah kerja dan tenaga sumber manusia dirancang untuk memantapkan lagi keupayaan Sekatarakyat bagi menempa kejayaan yang diimpikan.

Sekatarakyat telah mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan dalam tahun 2017, seperti yang digambarkan dalam jadual yang berikut:

Perkara	Pencapaian		Meningkat/ (Menurun)	% Meningkat/ (Menurun)
	2017	2016		
	RM juta	RM juta		
Pendapatan	49.2	49.3	(0.1)	(0.2)
Perbelanjaan	32.9	33.6	(0.7)	(2.0)
Keuntungan Bersih	16.3	15.6	0.7	4.5

AGIHAN DIVIDEN SEKATARAKYAT

Berdasarkan kepada keuntungan yang diperolehi Sekatarakyat dalam tahun 2017, Lembaga Pengarah telah mencadangkan pembayaran dividen sebanyak 13.5% ke atas modal yuran dan modal syer terkumpul anggota pada 31 Disember 2017 berjumlah RM12 juta berbanding RM13 juta pada 31 Disember 2015.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2017

DANA ANGGOTA

Jumlah keanggotaan Sekatarakyat yang berakhir pada 31 Disember 2017 adalah sebanyak 5,046 orang dengan modal yuran terkumpul sebanyak RM94.4 juta dan modal syer terkumpul RM1.16 juta. Sehingga 31 Disember 2017, anggota yang telah bersara daripada perkhidmatan Bank Rakyat adalah sebanyak 388 orang, iaitu 7.7% daripada jumlah anggota Sekatarakyat yang berjumlah 5,046 orang. Walau bagaimanapun, yuran terkumpul daripada anggota bersara berjumlah RM27.3 juta, iaitu 29% daripada jumlah keseluruhan yuran anggota Sekatarakyat. Hal ini jelas menunjukkan sokongan dan kepercayaan yang berterusan semua anggota Sekatarakyat termasuk yang telah bersara kepada organisasi.

ASET

Sejak penubuhannya pada tahun 1974, Sekatarakyat terus berkembang maju. Hal ini jelas tergambar apabila sehingga 31 Disember 2017, jumlah aset dan harta tanah yang dimiliki sekitar RM424 juta. Antara harta tanah yang sedia ada dimiliki ialah Wisma Sekatarakyat di Glomac Business Centre di Kelana Jaya, bangunan pejabat di Melawati Square, rumah kedai di Jitra, Kedah, lot banglo Sekata Vista di Dengkil, Selangor, rumah kedai Space U8 di Bukit Jelutong, Shah Alam, bangunan pejabat Sekatarakyat di Jalan Kampung Attap, Kuala Lumpur dan Sekata Apartment @ The Camelia Orchid Deluxe Park, Cameron Highlands, Pahang.

PENDAPATAN

- Pendapatan yang diperolehi Sekatarakyat pada tahun 2017 sebanyak RM49.2 juta.
- Pendapatan yang diperolehi Sekatarakyat pada tahun 2016 sebanyak RM49.3 juta.

Daripada aktiviti yang dijalankan dalam tahun 2017, penyumbang pendapatan utama yang telah dikenal pasti oleh Sekatarakyat adalah: -

1. Penawaran pembiayaan kepada anggota Sekatarakyat.
2. Perniagaan Ar-Rahnu.
3. Perkhidmatan mencuci pejabat.
4. Pengurusan serta penyewaan pejabat.
5. Perniagaan Kafeteria dan Kedai Sekatarakyat.
6. Perniagaan insurans.
7. Dividen atas pelaburan saham Bank Rakyat.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2017

PERBELANJAAN

Bagi tahun 2017, kos perbelanjaan sebanyak RM32.9 juta berbanding RM33.6 juta bagi tahun 2016.

TADBIR URUS SEKATARAKYAT

Jumlah warga kerja Sekatarakyat sehingga 31 Disember 2017 adalah sebanyak 110 orang berbanding 89 orang pada tahun 2016. Tadbir urus Sekatarakyat diperkuuh di bawah pentadbiran seorang Pengurus Besar bagi mengendalikan urusan Sekatarakyat yang terus berkembang selaras dengan aktiviti perniagaannya yang kian bertambah. Bagi menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti, warga kerja Sekatarakyat diberi pendedahan berterusan kepada cara kerja yang lebih efisien dan mantap. Hal ini selaras dengan saranan Lembaga Pengarah yang berhasrat untuk menjadikan Sekatarakyat sebuah koperasi yang berdaya maju dan boleh bersaing dengan koperasi lain dalam arus perniagaan yang kian mencabar dan kompetitif.

Dalam usaha memastikan operasi dan pentadbiran Sekatarakyat berada di landasan yang tepat, Lembaga Pengarah terus memantau dan mengkaji keberkesanan prinsip dan amalan tadbir urus Sekatarakyat melalui laporan prestasi dan aktiviti yang dibentangkan oleh pengurusan dalam mesyuarat bulanan. Bagi membolehkan Lembaga Pengarah mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berkaitan setiap aktiviti perniagaan yang dijalankan, mesyuarat portfolio yang melibatkan seorang anggota Lembaga Pengarah dijalankan sebelum mesyuarat bulanan Lembaga Pengarah diadakan supaya pengurusan dapat memberikan maklum balas yang terkini serta berbincang untuk mendapatkan pandangan serta arahan seterusnya yang berkaitan dengan aktiviti tersebut.

Iltizam yang berterusan dan tinggi daripada Lembaga Pengarah serta warga kerja sentiasa diterapkan supaya Sekatarakyat terus menjalankan aktiviti yang sedia ada dengan lebih efisien di samping meneroka bidang baharu yang dijangka dapat menjanakan pendapatan tanpa mengetepikan keutamaan kepada keperluan anggotanya. Selaras dengan aktiviti yang kian bertambah, penambahan warga kerja perlu bagi melicinkan perjalanan aktiviti berkenaan.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2017

AKTIVITI PERNIAGAAN SEKATARAKYAT

Sepanjang tahun 2017, Sekatarakyat menjalankan beberapa aktiviti perniagaan bagi menghasilkan pendapatan kepada Sekatarakyat, iaitu:

1) Pembiayaan untuk Anggota

Aktiviti pembiayaan untuk anggota masih kekal sebagai nadi perniagaan Sekatarakyat sejak ditubuhkan pada tahun 1974 hasil sokongan jitu anggota. Sehingga 31 Disember 2017, Sekatarakyat telah menerima dan memproses sebanyak 3,118 permohonan anggota berjumlah RM150.7 juta berbanding RM144.6 juta daripada 2,830 permohonan dalam tahun 2016. Pembiayaan tersebut merangkumi pembiayaan tunai, pembiayaan skim belian plus, pembiayaan kenderaan dan pembiayaan lain-lain.

Pendapatan yang diperolehi daripada pembiayaan sehingga 31 Disember 2017 adalah sebanyak RM25.6 juta, iaitu hampir 52% daripada jumlah keseluruhan pendapatan sebanyak RM49.2 juta berbanding sebanyak RM21.4 juta dalam tahun 2016. Sebagai langkah untuk sentiasa berfikiran dan mempunyai wawasan ke hadapan, Sekatarakyat akan terus mempelbagaikan pembiayaan baharu selaras dengan keperluan semasa anggota pada masa hadapan. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan lagi pendapatan daripada keuntungan atas pembiayaan, bersesuaian dengan kedudukan kewangan Sekatarakyat pada masa tersebut.

2) Perniagaan Ar-Rahnu

Pada 18 Mei 2017, genap lapan tahun perniagaan Ar-Rahnu dijalankan oleh Sekatarakyat. Konsep perniagaan Ar-Rahnu yang berlandaskan syariah telah menarik banyak penggadai untuk menyimpan barang emas mereka di Kedai Ar-Rahnu. Tambahan pula kadar upah simpanannya rendah, iaitu 0.70 peratus berbanding 2.0 peratus di pajak gadai konvensional. Kedai Ar-Rahnu juga merupakan alternatif yang disediakan oleh Sekatarakyat kepada anggotanya untuk mendapatkan pembiayaan segera dengan cara mencagarkan barang emas mereka. Urusannya lebih mudah kerana tidak memerlukan penjamin.

Pelanggan juga dapat melakukan urusan gadaian mereka dalam keadaan selesa dan selamat. Pada tahun 2017, pendapatan keseluruhan yang dicapai oleh Ar-Rahnu adalah sebanyak RM8.07 juta.

3) Pengurusan dan Penyewaan Bangunan

Dalam tahun 2016, Sekatarakyat memperoleh pendapatan tambahan daripada penyewaan bangunan kepada penyewa yang terdiri daripada syarikat-syarikat yang stabil di samping kepada Bank Rakyat sendiri seperti yang berikut:

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2017

a) Wisma Sekatarakyat

Pembelian Wisma Sekatarakyat yang mempunyai sembilan tingkat berserta 321 petak tempat letak kenderaan berharga RM22.6 juta memberikan pendapatan bulanan sebanyak RM137,088.99. Kesemua ruang pejabat di bangunan tersebut telah disewakan dengan penyewa utamanya ialah Bank Rakyat sendiri yang menyewa tingkat bawah dan tingkat satu Cawangan Kelana Jaya dan tingkat dua dan tingkat lima untuk kegunaan Ibu Pejabat Bank Rakyat. Di atas bumbung bangunan ini pula diletakkan sebuah kabin sebagai ruang stor untuk kegunaan salah sebuah syarikat sedia ada yang menyewa di Wisma Sekatarakyat ketika ini. Pengurusan bangunan tersebut diselia sepenuhnya oleh Sekatarakyat. Sehingga 31 Disember 2017, jumlah kutipan sewa yang diperolehi bagi bangunan tersebut adalah sebanyak RM1.11 juta. Pengurusan yang cekap membolehkan penyewa sedia ada di wisma tersebut berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan, lantas dapat memastikan mereka akan terus kekal menyewa. Di samping itu juga, pengurusan yang cekap dapat mengekalkan hubungan yang baik antara Sekatarakyat dengan penyewa.

b) Bangunan Pejabat di Melawati Square

Pembelian bangunan di Melawati menelan kos sebanyak RM2.9 juta. Bangunan tersebut disewakan kepada Bank Rakyat Cawangan Melawati dengan pendapatan sebanyak RM22,990.00 sebulan. Sepanjang tahun 2017, hasil sewaan yang diperolehi adalah sebanyak RM292,400.00. Pengurusan juga sentiasa menitikberatkan tadbir urus bangunan yang baik bagi menjaga keselesaan penyewa agar penyewa yang berkualiti dapat dikekalkan di samping mengekalkan hubungan baik dengan Bank Rakyat secara amnya.

c) Bangunan Space U8 di Seksyen U8, Bukit Jelutong, Shah Alam, Selangor

Langkah seterusnya Sekatarakyat dalam bidang harta tanah adalah pembelian tiga blok rumah kedai empat tingkat di Bangunan Space U8 yang terletak di Seksyen U8, Bukit Jelutong, Shah Alam, Selangor yang bernilai RM8.4 juta. Pembelian ini menjadikan Sekatarakyat mempunyai 14 unit rumah kedai di bangunan Space U8. Sehingga Disember 2017, lima daripada 14 unit rumah kedai tersebut telah disewakan kepada institusi pendidikan dengan kadar sewa sebanyak RM11,000.00 sebulan. Selebihnya sebanyak sembilan unit masih lagi dalam perbincangan dengan sebuah konsortium yang berminat untuk menyewa kesemua unit.

d) Rumah Kedai di Jitra, Kedah

Rumah kedai tersebut telah dibeli pada harga RM373,000.00 pada tahun 1982. Pada tahun 2014, bangunan tersebut telah disewakan kepada Prima Cost (M) Sdn. Bhd. dengan kadar sewa RM4,950.00 sebulan. Sehingga 31 Disember 2017, jumlah kutipan sewa bangunan tersebut sebanyak RM56,000 setahun.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2017

e) Pejabat di Jalan Kampung Attap, off Jalan Sulaiman, Kuala Lumpur

Dalam tahun 2014, Sekatarakyat menerusi pembentukan daripada Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah berjaya membuat pembelian pejabat Sekatarakyat di Jalan Kampung Attap pada harga RM1.27 juta daripada Bank Rakyat, sedangkan harga pasaran semasa pejabat itu adalah RM1.29 juta. Pembelian pejabat ini memantapkan lagi pusat operasi Sekatarakyat bagi menyediakan persekitaran yang lebih selesa kepada anggota serta pelanggan yang berurusan dengan Sekatarakyat. Di samping itu, pembelian pejabat dapat membangkitkan semangat serta memotivasi warga kerja Sekatarakyat dalam usaha memberikan perkhidmatan yang terbaik. Sekatarakyat telah menyewakan aras bawah sehingga aras tiga bangunan tersebut kepada sebuah syarikat pelancongan dengan kadar sewa bulanan sebanyak RM10,750.00. Jumlah kutipan sewa bangunan tersebut sehingga 31 Disember 2017 adalah sebanyak RM129,000.00.

4) Sekata Panacom Sdn. Bhd.

Sekatarakyat telah membuat pelaburan sebanyak RM15,000.00 dalam projek usahasama dengan nisbah perkongsian keuntungan yang telah dipersetujui antara Syarikat Panacom Sales & Services Sdn. Bhd. dengan Sekatarakyat pada kadar 70:30. Barang yang dibekalkan kepada para pelanggan khusus untuk bidang keselamatan, komunikasi dan barang lain bergantung kepada permintaan pelanggan. Kebanyakan barang yang dijual ialah barang IT seperti komputer meja, pencetak, pengimbas dan peralatan persisian komputer (computer peripheral equipment).

Sepanjang tahun 2017, prestasi kewangan Sekata Panacom Sdn. Bhd. mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM285,835.00. Keuntungan yang dicatatkan pula sebanyak RM17,337.57.

5) Pembersihan Pejabat

Sekatarakyat mula menceburkan diri dalam kerja perkhidmatan pembersihan pejabat di cawangan Bank Rakyat dan kedai Ar-Rahnu pada Jun 2008 secara usaha sama dengan kontraktor pembersihan yang terpilih. Kontraktor dipilih berdasarkan pengalaman dan kepakaran mereka dalam bidang ini.

Pakej perkhidmatan yang ditawarkan oleh Sekatarakyat adalah:

- 1) Pembersihan Harian
 - Membersihkan pejabat dan ruang milik bersama (common area).

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2017

2) Pembersihan Berjadual

- Mensyamu karpet – 3 kali setahun
- Mengilatkan lantai (floor polishing) – 3 kali setahun
- Membersihkan cermin/dinding (luaran) – 2 kali setahun
- Mencuci papan tanda (luaran) – 2 kali setahun

3) Pembekalan Peralatan Penyahbauan dan Kebersihan Bilik Air (Washroom Hygiene and Deodorisation Product)

- Sabun pembasmi kuman (pearlised disinfectant hand soap) – 3 unit
- Penyegar udara (air freshener) – 7 unit
- Bakul sampah tuala wanita (lady sanitary bin) – 2 unit

4) Menempatkan seorang kakitangan yang terlatih di cawangan Bank Rakyat dan kedai Ar-Rahnu untuk tempoh lapan jam bekerja.

5) Menyediakan pasukan bergerak (mobile team) yang akan membuat kerja pembersihan berjadual di setiap cawangan Bank Rakyat dan kedai Ar-Rahnu.

Sehingga Disember tahun 2017, sebanyak 151 cawangan Bank Rakyat yang meliputi Semenanjung, Sabah dan Sarawak telah menggunakan perkhidmatan pembersihan di bawah kelolaan Sekatarakyat bagi kerja pembersihan pejabat.

Pada tahun 2017, perkhidmatan pembersihan pejabat telah mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM4.78 juta.

6) Air Mineral Sekatarakyat

Air mineral semula jadi jenama SEKATARAKYAT telah menggunakan lesen KKM 163 (24/J/3) sejak awal pengeluarannya, iaitu pada tahun 2007. Air mineral ini juga mempunyai sijil HACCP yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia serta mempunyai Logo HALAL yang disahkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Semenjak pengeluaran pertama, pihak koperasi telah mengedarkan air mineral ini kepada ibu pejabat dan cawangan Bank Rakyat serta kepada syarikat dan individu yang berminat terhadap produk air mineral jenama SEKATARAKYAT ini pada harga yang amat berpatutan.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2017

Harga jualan bagi satu karton air mineral (24 botol / karton) adalah RM16.00.

Bagi tahun 2017, Sekatarakyat merancang untuk meluaskan lagi pemasaran air mineral ini kepada cawangan di Wilayah Timur dan Utara. Faktor kos pengangkutan merupakan cabaran paling besar bagi memasarkan air mineral ini. Namun begitu, Sekatarakyat akan cuba bekerjasama dengan pengilang tempatan yang berdekatan untuk membantu Sekatarakyat memasarkan air mineral ini pada kos yang berpatutan. Pada 31 Disember 2017, jualan air mineral telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM108,000.00.

7) Pemasangan Produk Coway

PENULEN UDARA	PENAPIS AIR	PENAPIS AIR
AP-1503CH (LOMBOK)	CHP-04AL (METRO)	CHP-06DL (PETIT)

Pada tahun 2010, Sekatarakyat mula bekerjasama dengan pihak Woongjin Coway (M) Sdn. Bhd. bagi memperkenalkan produk jenama Coway kepada Bank Rakyat. Produk jenama Coway telah diiktiraf di peringkat antarabangsa dan bermutu tinggi.

Oleh hal yang demikian, Sekatarakyat mengambil langkah yang progresif dengan memperkenalkan produk keluaran Coway dan sekali gus mengambil inisiatif untuk memasang produk jenama Coway ini di ibu pejabat dan cawangan Bank Rakyat yang berminat. Tiga produk yang diperkenalkan ialah penulen udara jenis Lombok (Model AP-1503CH) serta penapis air jenis Metro (Model CHP-04AL) dan jenis Petit (Model CHP-06DL).

Sehingga Disember 2017, sebanyak 193 unit produk Coway telah dipasang di cawangan dan jabatan di ibu pejabat Bank Rakyat.

8) Skim Belian Plus Sekatarakyat

Sekatarakyat menawarkan pembiayaan Skim Belian Plus (SBP), iaitu anggota yang berminat perlu membeli produk pada harga minimum RM500.00 dengan Sekatarakyat dan selebihnya diberikan secara tunai kepada anggota yang memanfaatkan pembiayaan tersebut. Walau bagaimanapun, anggota masih boleh mendapatkan barang dari pihak luar dan sedikit komisen dikenakan terhadap barang tersebut.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2017

Sekatarakyat juga menyediakan beberapa vendor kepada anggota yang ingin membeli barang bagi memanfaatkan pembiayaan SBP.

Pembekal	Barangan
Tan Elektronik	Barangan elektrik
Red Orange	Gajet komputer/telefon bimbit
Maar Integrated	Jam takwim Islam dan gajet Islamik
NZ New Image	Susu alfa lipid/SDII

9) Penyewaan Tapak Mesin ATM

Penyewaan tapak mesin ATM (Automated Teller Machine) adalah satu lagi cabang perniagaan yang dijalankan oleh Sekatarakyat. Buat permulaan, mesin ATM ini ditempatkan di premis Ar-Rahnu PJ Old Town mulai September 2009 dengan bayaran sewa sebanyak RM300.00 sebulan.

Pada tahun 2013, Sekatarakyat telah membuka satu lagi tapak mesin ATM di premis Ar-Rahnu Sungai Besi dengan bayaran sewa sebanyak RM500 sebulan bermula pada Ogos 2013.

Pada Oktober 2015, Bank Rakyat telah menyewa satu lagi tapak mesin ATM di premis Ar-Rahnu Hulu Langat dengan bayaran sewa sebanyak RM300 sebulan.

Penyewaan tapak ini akan diteruskan lagi di premis milik Sekatarakyat yang bersesuaian pada masa akan datang.

10) Sekata Vista

Tanah kediaman yang berkeluasan 138,885 kaki persegi di Mukim Dengkil telah dibangunkan semula dengan membina 19 unit banglo hasil usaha sama dengan Mainstay Development Sdn. Bhd. Projek pembangunan 19 unit banglo ini bermula pada awal tahun 2012 dan telah siap sepenuhnya pada Januari 2016. Kesemua unit tersebut telah habis dijual dan Sekatarakyat sendiri telah mengambil 3 unit banglo tersebut. Hal ini merupakan salah satu cara pelaburan kerana menjangkakan peningkatan harga harta tanah akan berlaku di lokasi tersebut. Banglo ini masih ditawarkan kepada pembeli yang berminat pada harga RM1,200,000.00.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2017

11) Taman Saujana Sekata

Sekatarakyat sekali lagi menceburi bidang pembangunan harta tanah dengan membeli tanah pertanian yang berkeluasan 493,970 kaki persegi pada harga RM8 juta. Tanah ini akan ditukar taraf kepada tanah kediaman dan kemudiannya akan dibangunkan dengan membina 107 unit rumah teres dua tingkat dan 47 unit apartmen mampu milik. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2019.

12) Sekata Apartment

Cadangan pembelian apartment ini diputuskan pada Julai 2015. Sekatarakyat telah membeli 32 unit apartment tersebut untuk disewakan semula sebagai rumah rehat. Bank Rakyat telah bersetuju menyewa lima unit untuk dijadikan rumah rehat Bank Rakyat dan selebihnya akan disewakan kepada anggota dan pelanggan luar yang berminat. Penyewaan apartment ini mula beroperasi pada 16 Ogos 2017.



LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2017

13) Kafeteria Sekatarakyat

Cabang perniagaan Sekatarakyat juga diperluaskan kepada industri pemakanan melalui Kafeteria Sekatarakyat. Perniagaan ini bukan hanya menjurus kepada penyediaan hidangan menu harian untuk sarapan pagi, tengah hari dan minum petang sahaja malah memenuhi tempahan katering untuk sebarang majlis keraian ataupun mesyuarat yang diadakan di Bangunan Bank Rakyat. Sehingga 31 Disember 2017, perniagaan ini telah menghasilkan jualan sebanyak RM2.036 juta.

Sekatarakyat akan terus menjalankan penambahbaikan dalam perkhidmatan menyediakan makanan kepada komuniti UNIRAZAK dan juga pelanggan Kafeteria Sekatarakyat. Sekatarakyat juga berhasrat untuk memperluas perniagaan ini dengan menerima tempahan katering daripada cawangan Bank Rakyat dan seterusnya meneroka peluang untuk menawarkan perkhidmatan yang sama kepada anggota di samping memperluas pakej perkhidmatan yang ditawarkan merangkumi pakej yang boleh disesuaikan mengikut kehendak pelanggan.

Selain itu, sehingga 31 Disember 2017, Medan Selera di Tingkat 5, Menara Kembar Bank Rakyat telah menghasilkan jualan sebanyak RM1.55 juta.

14) Kedai Sekatarakyat

Sehingga 31 Disember 2017, jualan kedai serbaneka di Jalan Tangsi adalah sebanyak RM117,000.00. Kedai ini dikendalikan oleh seorang warga kerja Sekatarakyat dan beroperasi dari pukul 7.00 pagi sehingga 7.00 malam pada hari-hari bekerja. Premis kedai yang agak kecil tidak membantutkan azam Sekatarakyat untuk menceburi bidang berkenaan pada kadar yang lebih mencabar dan kompetitif pada masa hadapan.

Perniagaan kedai serbaneka Sekatarakyat juga telah diperluas ke Menara Kembar Bank Rakyat Jalan Rakyat yang mula beroperasi pada 21 Julai 2014 dengan keluasan yang ditawarkan kepada Sekatarakyat 900 kaki persegi, lebih besar daripada Kedai Jalan Tangsi. Sehingga 31 Disember 2017, jumlah jualan yang diterima adalah sebanyak RM599,000.00.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2017

KERJASAMA ANTARA KOPERASI

Pada 7 dan 8 Oktober 2017, Sekatarakyat telah menganjurkan aktiviti Mencari Harta Karun kali kelapan yang bermula dari Menara Kembar Bank Rakyat Jalan Rakyat ke Impiana Hotel Ipoh, Perak. Penyertaan aktiviti terdiri daripada koperasi-koperasi dari seluruh Malaysia. Sebanyak 88 buah kereta telah menyertai aktiviti Mencari Harta Karun pada tahun 2017.

Aktiviti Mencari Harta Karun telah dianjurkan sebanyak lapan kali bermula dari tahun 2010. Penganjuran ini selaras dengan Prinsip Koperasi yang keenam, iaitu “Bekerjasama antara koperasi-koperasi” dan menjadi harapan Sekatarakyat agar aktiviti ini dapat dianjurkan setiap tahun.

KEBAJIKAN ANGGOTA SEKATARAKYAT

Sepanjang tahun 2016, kebajikan anggota Sekatarakyat menjadi keutamaan dalam operasi harian Sekatarakyat. Beberapa kemudahan dan aktiviti telah disediakan dan digunakan sepenuhnya oleh anggota seperti yang berikut: -

(a) Tabung Khairat dan Kebajikan

Kemudahan ini telah mula dinikmati oleh anggota Sekatarakyat mulai 22 Jun 2002. Sepanjang tahun 2017, sebanyak RM49,000.00 telah disumbang kepada 117 orang anggota sebagai sumbangan Sekatarakyat atas kehilangan anggota keluarga ataupun bencana yang dihadapi. Walaupun jumlah yang disumbangkan tidak dapat menggantikan kehilangan atau kerugian yang dialami, sekurang-kurangnya dapat membantu anggota ketika dalam kesusahan.

(b) Tabung Sagu Hati Pendidikan Lanjutan

Anggota Sekatarakyat mula menikmati tabung ini sejak 1 Januari 2003. Sepanjang tahun 2017, sebanyak RM12,500.00 telah disumbang kepada 25 orang anggota sebagai sumbangan Sekatarakyat atas kejayaan anak-anak anggota dalam pelajaran. Sumbangan ini diharapkan menjadi pendorong kepada anak-anak anggota supaya meneruskan usaha demi mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dalam pelajaran masing-masing.

(c) Takaful Kenderaan

Seperti tahun-tahun yang sudah, Sekatarakyat masih lagi meneruskan perniagaan takaful insurans kenderaan dengan menjadi ejen Takaful Ikhlas Bhd. Para pelanggan yang ingin memperbaharui insurans kenderaan mereka boleh menghubungi terus Unit Takaful dan menghantar dokumen yang diperlukan. Perkhidmatan yang cepat dan cekap menjadi salah satu faktor yang menarik banyak anggota menggunakan perkhidmatan Sekatarakyat. Selain itu, Sekatarakyat juga menyediakan bayaran melalui potongan gaji bagi insurans yang tidak melebihi RM2,000.00 setahun. Diskaun sebanyak 5% juga akan diberikan kepada semua pelanggan yang membuat pembayaran secara tunai.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2017

(d) Pinjaman Naik Sekolah

Sekatarakyat juga menawarkan kemudahan Pinjaman Naik Sekolah sebanyak RM500.00 bagi seorang anak dan maksimum sebanyak RM2,000.00 tanpa mengambil sebarang keuntungan daripada anggota bagi membantu mereka menyediakan kelengkapan sekolah anak-anak pada awal tahun persekolahan.

(e) Tahlil

Di samping menjalankan aktiviti perniagaan, Sekatarakyat juga menganjurkan majlis tahlil serta doa selamat pada setiap bulan sepanjang tahun 2017. Penganjuran majlis ini dihebahkan melalui emel oleh Lembaga Pengarah Sekatarakyat setiap bulan kepada anggota yang masih berkhidmat dan telah bersara. Di samping mendapatkan keberkatan Allah, majlis tersebut juga bertujuan untuk merapatkan silaturrahim sesama warga kerja Bank Rakyat dan mengukuhkan pertalian dengan Sekatarakyat sendiri.

SUMBER MANUSIA

Sehingga 31 Disember 2017, Sekatarakyat mempunyai sebanyak 109 orang warga kerja yang terdiri daripada 25 orang bahagian pengurusan dan 84 orang bukan bahagian pengurusan. Bagi melahirkan warga kerja yang dapat memberikan perkhidmatan terbaik, mereka didedahkan kepada sistem kerja yang lebih sistematik melalui kursus serta seminar yang dianjurkan di Maktab Kerjasama Malaysia, Angkasa, Bank Rakyat dan juga kursus dalaman yang dikendalikan oleh fasilitator dan konsultan yang dilantik. Perancangan kursus dan latihan dirangka pada awal tahun bagi memastikan pilihan kursus bersesuaian dengan warga kerja supaya tahap motivasi warga kerja dan pihak pengurusan terus meningkat sejajar dengan perkembangan Sekatarakyat yang kian maju dan akan terus berkembang pada masa hadapan.

PERANCANGAN MASA HADAPAN

Keutamaan Sekatarakyat sepanjang masa adalah tanggungjawab kepada anggotanya. Sekatarakyat akan terus melipatgandakan usaha untuk memberikan pulangan yang terbaik kepada anggota dengan menumpukan usaha untuk:

1. Menyediakan kemudahan yang berkualiti kepada anggota Sekatarakyat.
2. Memastikan kebajikan anggota sentiasa terpelihara dan diutamakan.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2017

Selain itu, Sekatarakyat juga akan terus memberikan tumpuan kepada aktiviti perniagaan yang sedang dijalankan dan akan diceburi pada masa hadapan seperti yang berikut: -

1. Mengembangkan perniagaan Ar-Rahnu X'Change dengan cadangan untuk membuka lagi kedai Ar-Rahnu X'Change di lokasi-lokasi yang berpotensi bagi menjana pendapatan daripada perniagaan tersebut.
2. Menaik taraf perkhidmatan pembersihan yang dijalankan di cawangan Bank Rakyat di seluruh Malaysia dengan cara berbincang dan mendapatkan maklum balas berkaitan keperluan pengguna.
3. Mengembangkan perniagaan penyediaan makanan melalui Kafeteria Sekatarakyat dengan meluaskan perkhidmatan katering kepada cawangan Bank Rakyat di sekitar Lembah Kelang.
4. Menceburi bidang hospitaliti dengan cara membeli serta menawarkan tempat penginapan kepada anggota yang ingin bercuti atau menghadiri latihan dengan kerjasama strategik bersama-sama Bank Rakyat.
5. Membuka hotel ekonomi dan rumah rehat.
6. Menyewakan 32 unit Apartment Camelia, Ringlet sebagai rumah rehat.

Melalui komitmen dan sokongan padu anggota, Lembaga Pengarah dan warga kerja Sekatarakyat, tidak mustahil matlamat Sekatarakyat untuk menjadi salah sebuah koperasi yang kompetitif serta berdaya saing akan dapat dicapai pada masa hadapan di samping dapat memberikan pulangan semaksimum yang mungkin dalam bentuk dividen kepada semua anggota.



“Langkah Bijak Memulakan Pelaburan”

- Tawaran lengkap memenuhi keperluan.

- Pemilikan wafer bagi tujuan pelaburan.
- Gadaian di Ar-Rahnu X'Change untuk tunai segera.

- Patuh Syariah.

- Peratusan “Spread” yang rendah.
- Jenama yang kukuh.

**Wafer Emas
RMS GOLD**



Kunjungi Kami:

RMS GOLD

Lobi Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat
No.33, Jalan Rakyat, KL Sentral
50470 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2265 7566 / 67 / 68 / 69

* Tertakluk kepada terma & syarat semasa



RMS GOLD

Kumpulan:



BANK RAKYAT
بَنْكُ رَاكِيَّةٍ

Bank Pilihan Anda



DGS® Solution

Your Total Security Solution



FIRE WARNING



ALARM SYSTEM



BURGLARY MONITORING



SECURITY SYSTEM



PERIMETER SECURITY



SMART SECURITY



Tel: +603 8080 8703
Fax: +603 8080 0550



info@dgs-solution.com



DGS Solution Sdn Bhd

www.dgs-solution.com



YOUR TRUE BUSINESS PARTNER

Business Premises Financing

- New Purchase ▪ Refinancing ▪ Investment

Procurement & Contract Financing-i

- Financing of Viable Contract ▪ Working Capital

Bridging Financing

- Residential ▪ Commercial Property

Working Capital Financing

- Trade Financing ▪ Cash Line-i ▪ Business Financing-i